

Bekalan di Kelantan masih cukup

Kota Bharu: Bekalan bawang merah di Kelantan masih mencukupi walaupun berlaku kenaikan harga sehingga dijual antara RM8 hingga RM13 bagi sekilogram.

Timbalan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azanizam Affendi Juri berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan

mengatakan barangan berkenaan terputus.

Katanya, dua pengimport utama bawang merah di Kelantan juga memaklumkan bekalan terbabit masih mencukupi.

"Kita sudah mengadakan perjumpaan dengan pembekal bawang merah, baru-baru ini dan mereka memaklumkan bekalan masih mencukupi setakat ini," katanya.